

Tokoh Gasing Pangkah Selangor

Ahmad Ammar Bin Azhar
Muhammad Faiz Bin Zubir
Mohamad Faizal Bin Mohd Shafie
Ap-azli Bin Bunawan
Kamarul Azwan Azman

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah melalui sejarah lisan dan wawancara bersama Tokoh Encik Muhamat Mustakin Abdullah iaitu Pengerusi Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor. Kajian ini juga menghuraikan tentang Persatuan Gasing Pangkah Tradisional iaitu merangkumi aspek latar belakang, pencapaian, permainan dan aspek gasing. Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji usaha Persatuan ini untuk mengekalkan Gasing Pangkah Tradisional terus kekal menjadi simbol ikonik Bukit Kapar. Implikasi kajian ini disasarkan terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang tidak melupakan permainan tradisional ini yang telah wujud pada zaman dahulu lagi. Permainan Tradisional ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri sebagai warisan budaya yang tidak ternilai harganya dan perlu dikekalkan oleh masyarakat. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai keunikan dan kesenian Gasing Pangkah Tradisional.

Kata Kunci: Persatuan Gasing Pangkah, Tradisional, Bukit Kapar, Permainan, Warisan

Pengenalan Gasing Pangkah

Permainan dan unsur seni merupakan perkara asas kehidupan manusia di muka bumi dan perkara ini tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat sehingga ke hari ini. Masyarakat tradisional juga tidak asing lagi dalam soal ini. Dalam memenuhi aktiviti kehidupan sara diri, mereka mengisi masa lapang dengan pelbagai kegiatan yang dapat menghiburkan hati. Antara kegiatan yang dilakukan ialah dengan bermain gasing (Buku pamphlet terbitan Jabatan Kebudayaan, Keseniaan dan Warisan Johor.(Kejohanan Gasing Pangkah Kebangsaan Terbuka Johor 2005).Ini menunjukkan permainan gasing menjadi fokus utama dalam permainan tradisional masyarakat dahulu kala.

Bagi mengenali permainan gasing, pendefinisian perkataan “Gasing” perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci. Antaranya, penggabungan dua suku kata yang datang daripada perkataan Gasing iaitu ‘Gah Berpusing’.Gah membawa maksud berpusing dengan pantas dan teguh. Berdasarkan informasi dari Terengganu, gasing datang daripada buah berembang di dalam permainan memusing yang berbentuk bulat, licin dan leper sedikit.lanya senang didapati di pesisiran pantai yangdiguna pakai oleh ahli silat sebagai satu kaedah bagi melatih tangan mereka.Selain itu, Gasing yang dihasilkan merujuk kepada bentuk buah berembang. Di beberapa kawasan, buah berembang juga dikenali sebagai buah perepat (*sonneratia alba*). Gasing adalah sejenis permainan yang boleh berputar pada paksinya sambil mengimbang pada satu titik. Gasing juga telah menjadi permainan tradisional orang-orang Melayu sejak dahulu lagi. Biasanya dimainkan selepas musim menuai. Permainan gasing dipertandingkan antara kampung dan pemenang akan dikira berdasarkan tempoh masa gasing mampu berputar (Amiene Rev, 2008). Walaubagaimanapun, ini merujuk juga kepada jenis gasing yang digunakan contohnya seperti “Gasing Pangkah”.

Gasing Pangkah diketahui oleh masyarakat umum dan masyarakat Kelantan dikenali gasing kuno. Gasing Pangkah sangat dikenali di selatan Malaysia khususnya di Selangor dan Melaka. Pelbagai gasing lain yang boleh didapati di Malaysia seperti gasing jantung, gasing paru-paru, gasing perut, gasing piring, gasing Cina, gasing pinang dan gasing telur. Walaubagaimanapun, gasing pangkah merupakan musuh kepada gasing

penanda disebabkan bentuknya yang berbeza. Permainan ini sangat terkenal di kalangan masyarakat Selangor khususnya di Bukit Kapar dalam pelbagai lapisan umur (SelangorKini, 2016).

Tokoh



Gambar 1: Tuan Haji Muhamat Mustakin Bin Abdullah

Tokoh yang dipilih bagi sejarah lisan ini adalah Muhamat Mustakin Bin Abdullah yang merupakan Pengurus Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor. Beliau berumur 70 tahun, dilahirkan pada tahun 1948 dan menetap di Bukit Kapar Meru Klang sehingga kini. Pengalaman beliau di dalam Gasing Pangkah Tradisional bermula sebagai seorang pemain Gasing Pangkah selama lebih kurang 40 tahun dan Pengurus Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor bermula sejak 2000 iaitu selama 20 tahun. Pengalaman beliau sangat luas dan telah berkecimpung dalam bidang ini selama hampir 60 tahun. Aktif menyertai Kejohanan Terbuka di Selangor, Ramuan Cina, Melaka, Negeri Sembilan, Palong 4 dan Kuala Lumpur. Semasa beliau menjadi seorang pemain berbakat Persatuan Gasing Pangkah Selangor, beliau telah mendapatkan gelaran Juara pertandingan Gasing Pangkah Malaysia sebanyak 4 kali. Beliau juga pernah dijemput menghadiri program pertukaran budaya di Indonesia sebagai tanda penghargaan pada tahun 1994 (Mustakin, 2019).

Kajian Literatur

Secara amnya, sejarah lisan adalah pencarian sumber-sumber berdasarkan pada sumber lisan iaitu dengan kaedah temubual tokoh-tokoh

dipilih yang dapat menyumbang maklumat bersejarah hasil daripada penglibatan dan pengalaman mereka sendiri. Maklumat hasil dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dalam bentuk penulisan dengan tujuan digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

Selain itu, sejarah lisan juga merupakan salah satu cara untuk mengekalkan warisan sesuatu bangsa. Menurut Kamus Dewan (2016), warisan boleh bermaksud dengan harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun temurun atau peninggalan. Warisan bukanlah terhad kepada satu skop sahaja kerana warisan adalah sesuatu yang dikekalkan dari suatu masa dahulu sehingga sekarang. Sudah menjadi pandangan umum bahawa warisan merupakan peninggalan generasi lampau yang menjadi tatapan generasi sekarang. Ianya datang sebagai pusaka atau panduan dan renungan bagi generasi berikutnya yang prihatin dengan perjalanan sebuah tamadun (Mikdar Rusdi, 2017). Gasing Pangkah Tradisional yang ada di Malaysia juga dikategorikan sebagai warisan untuk bangsa melayu.

Permainan gasing pangkah bakal dinaikkan sebagai identiti Selangor sekiranya terbukti ianya merupakan tradisi yang berasal dari negeri Selangor. Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata kajian lanjut berkenaan perkara iniakan diusahakan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) (SelangorKini, 2016).

Latar Belakang Permainan Gasing Pangkah Tradisional

Sebelum tahun 1971, pelbagai cara dan kaedah peraturan dalam permainan gasing. Akan tetapi permasalahan ini telah dapat ditamatkan sejurus lahirnya usaha bagi menyatukan permainan gasing pada tahun 1971 hingga 1973.Dalam permainan gasing pangkah, antara perkara asas yang perlu dikuasai oleh pemain gasing iaitu kemahiran mengangkat, memangkah, memusing, membela uri gasing dan menegak.Kaedah-kaedah dalam permainan gasing secara umumnya melibatkan cara-cara lilitan tali, melilit tali

pada gasing, memusingkan gasing, memangkah gasing serta mengangkat gasing (Amiene Rev, 2008).

Permainan Tradisional Gasing Pangkah ini sangat dikenali di kalangan masyarakat Selangor tanpa mengira lapisan umur. Dalam pertandingan gasing pangkah kebiasaanya akan disertai dengan lima (5) orang pemain termasuk seorang pemain simpanan. Mereka perlu memahami teknik memangkah dalam mengutip mata terbanyak, bermain di tempat yang khusus iaitu kawasan yang mempunyai tanah yang keras dan seterusnya mencatat kemenangan. Selain itu, pemain perlu bertindak menyingkirkan gasing masing-masing dan pengakhiran permainan ini ialah apabila terdapat salah satu gasing yang dimainkan berhenti atau dikeluarkan dari garisan gelanggang yang ditetapkan melalui undang-undang permainan gasing tersebut. Hal ini membuktikan bahawa permainan gasing ini sangat unik dan mempunyai daya tarikan tersendiri bagi masyarakat Bukit Kapar Selangor, Klang (SelangorKini 2018).

Selain menjadi daya tarikan yang tinggi, permainan Gasing Pangkah juga berperanan sebagai hobi dan berfungsi sebagai aktiviti beriadah di waktu luang. Sesetengah masyarakat memanggilnya gasing pangkah oleh kerana ada peserta yang berfungsi menjadi pemangkah dan bertindak menjadikan gasingnya memukul dan mengeluarkan gasing pihak lawan keluar daripada kawasan gadai (kawasan ditandakan bulat yang terdapat di tengah gelanggang) (Mustakin, 2019).



Gambar 2: Gasing Pangkah diwarnakan mengikut citarasa pemain.

Pembuatan Gasing Pangkah Tradisional

Gasing Pangkah Tradisional sentiasa menjadi pilihan hati penduduk Bukit Kapar yang telah dimainkan sejak berzaman lagi walaupun di Malaysia terdapat pelbagai jenis Gasing yang terkenal di Negara ini di antaranya ialah gasing berembang, gasing toyol, kepala duri, kuno, lang laut, leper Kelantan, Pinang, piring, tanjung dan uri (Kosmo Online, 2019). Proses pembuatan gasing pangkah kebiasaannya menggunakan pakai kaedah tradisional bagi mendapatkan gasing pangkat walaupun terdapat mesin untuk membuat gasing (pelarik) dijual di dalam pasaran. Proses pembuatan gasing pangkah disempurnakan daripada proses pemilihan daripada kayu koran, dan kempas daripada pokok yang sudah menjangkau usia lebih daripada 20 tahun yang digunakan untuk membuat gasing oleh kerana kayunya lebih keras dan tahan lebih lama. Selain itu, sekiranya mempunyai kayu yang sesuai, masa yang diperlukan hanya 30 minit sahaja bagi menyiapkan sebiji gasing. Gasing yang sudah siap bersama taji dan mempunyai berat antara 600 ke 800gram dijual dalam harga 35ringgit sehingga 50 ringgit sebiji (Johari Mustamam, 2016).

Dari segi aspek pemilihan kayu yang sesuai, ia kebiasanya dipilih daripada kayu koran, kempas dan kanji yang perlu dipilih sendiri selain terdapat kayu yang perlu dikirim daripada pencari kayu hutan di Pahang. Selepas itu, kayu tersebut dibelah hingga menjadi bongkah yang sesuai sebelum dilarik menjadi bentuk yang asas. Seterusnya, gasing pangkah tersebut akan diletakkan taji dimana ia dilarik sekali bagi tujuan proses pengemasan untuk menyeimbangkannya. Kebolehannya berputarakan dilakukan sebelum dijual kepada pelanggan dalam harga diantara 40 ringgit sehingga 80 ringgit bergantung jenis kayu yang ia diperbuat (Mustakin, 2019).

Kebiasaanannya, Gasing Pangkah dibuat menggunakan kayu jenis keranji, kuran, kempas, tualang atau kayu kara. Mempunyai berat antara 600 hingga 850 gram serta ukur lilit bagi sebuah gasing adalah kira kira 35.56 sentimeter (besar) dan 26.67 sentimeter (kecil) merangkumi ketinggi antara 10.16 sehingga 11.43 sentimeter. Gasing Pangkah dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu kepala, badan, patak dan taji. Taji berukuran di bawah 0.5 sentimeter dengan terbaik berukuran 0.2 meter dan dijual pada harga antara 40 ringgit sehingga 80 ringgit (bergantung kepada jenis kayu). Pemilihan warna

pula bergantung kepada kemahuan individu dan tali kapas berukuran diantara tiga meter digunakan bagi melilit gasing (Kosmo, 2019).

Kaedah permainan Gasing Pangkah Tradisional

Gasing Pangkah bukan sahaja dimainkan pada masa terluangakan tetapi berfungsi sebagai mengeratkan ukhuwah di kalangan penduduk. Permainan gasing pangkah berfungsi untuk menilai ketangkasan, kemahiran menyusun strategi dalam pasukan. Hingga ke hari ini, gasing pangkah menjadiagen tarikan pelancong di Bukit Kapar (Mustakin, 2019).

Setiap perlawanan Gasing Pangkah Tradisional akan disertai oleh 4 pemusing serta pemangkah bagi mendapatkan sepuluh mata. Yang uniknya, permainan gasing pangkah, ialah permainan ini tidak mempunyai garis/had masa yang ditetapkan kerana sepanjang rekod kejohanan tersebut terdapat permainan yang akan habis dalam tempoh masa 30 minit bagaimanapun terdapat yang berterusan hingga tiga jam tiga puluh minit (Mohd. Jazali Saring, 2019).

Menurut Mustakin (2019), cara permainan Gasing Pangkah gasing perlu dilemparkan supaya menghentak gasing lawan sehingga keluar daripada kawasan gelanggang, manakala gasing uri dipertandingkan bagi menilai kemampuannya berputar. Pertandingan Gasing Uri berbeza dengan Gasing Pangkah kerana permainan Gasing Uri dipermainkan secara individu manakala gasing pangkah secara berkumpulan. Untuk Gasing Uri, dua pembantu diperlukan iaitu seorang untuk memegang cokok dan seorang lagi memegang lopok, Gasing yang berpusing dipindahkan oleh jong (juru) cokok ke atas lopok yang dicacakkan di atas tanah. Gasing yang berpusing paling lama dikira pemenang pertandingan. Biasanya Gasing Uri berupaya berpusing lebih satu jam. Gasing Uri dimainkan secara individu dan dipertandingkan untuk menguji ketahanannya berpusing manakala Gasing Pangkah secara berkumpulan dengan setiap pasukan membabitkan dua (2) hingga lima (5) orang.



Gambar 3 dan 4: Setiap pemusing akan dimulakan dengan balingan gasing dalam kawasan gadai iaitu kawasan bertanda bulat berada di tengah gelanggang (bertanda bulat) serta gasing yang berpusing paling lama boleh memberikan markah kepada setiap pasukannya.

Latar belakang dan peranan Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melalui insiatif kerajaan juga ingin memastikan permainan tradisional ini tidak lapuk ditelan zaman. Selain berharap permainan ini dapat membantu menaikkan imej permainan warisan melayu sejak zaman zaman-berzaman termasuk gasing pangkah. Malah di negara ini permainan tersebut masih terdapat peminatnya yang tersendiri. Ini dapat dibuktikan melalui wujudnya sebelas (11) buah persatuan gasing di seluruh Malaysia kecuali Sabah, penglibatan lebih dari lapan ratus (800) ahli yang menjawai permainan tradisional ini. Pihak JKKN sentiasa akan bekerjasama dengan Persatuan Gasing Malaysia (PEGAMA) bagi membangunkan semula dan menguatkan lagi warisan seni yang perlu dijaga dan diteruskan untuk generasi yang akan datang (Utusan, 2016).

Menurut Mustakin (2019), Persatuan Gasing Pangkah Selangor ini telah ditubuhkan sekitar tahun 1990an bagi bertujuan memastikan kelangsungannya sebagai salah satu permainan tradisional dan bagi mempopularkan kembali permainan tradisional itu supaya setanding dengan permainan moden yang muncul pada masa kini di dalam Selangor. Persatuan ini mendapat kerjasama daripada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat), Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor dan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Persatuan ini sentiasa bergerak aktif dalam usaha

memperkenalkan Gasing Pangkah ini sebagai identiti warisan Negeri Selangor. Menurutnya lagi, "JANGAN mengaku anak jati Bukit Kapar jika tidak tahu bermain gasing. "Mengejutkan tetapi inilah hakikat betapa besarnya pengaruh Persatuan Gasing Pangkah ini di Bukit Kapar yang sentiasa menggilap bakat-bakat baru lebih-lebih lagi anak-anak muda. Berbanding sesetengah kelab atau persatuan sukan tradisional, termasuk gasing di negeri atau daerah lain yang boleh diibaratkan 'hidup segan mati tak mahu' warisan seni gasing tradisional Melayu di Bukit Kapar kekal utuh menongkah arus kemodenan.

Di kalangan peminat gasing di Malaysia, Bukit Kapar dikenali antara daerah yang paling aktif menjalankan aktiviti ini, termasuk dalam penganjuran pertandingan sehingga ke peringkat negeri. Ini kerana Persatuan Gasing Pangkah Selangor sentiasa mengorak langkah dalam membangunkan aktiviti gasing pangkah supaya dapat terus dikenali sebagai daerah 'gasing' dengan setiap penduduknya tahu sekurang-kurangnya asas permainan tradisional ini (Mustakin, 2019). Lebih membanggakan Persatuan dan Penggiat Gasing Pangkah Selangor Tradisional bukan sahaja mampu mempertahankan tradisi ini, malah berjaya menanam minat di kalangan anak muda, sekaligus memastikan ia kekal diwarisi (Metro, 2012).

Pencapaian dan Penglibatan Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor

Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor mempunyai ahli persatuan seramai sembilan puluh (90) ahli dan enam puluh (60) daripadanya masih berstatus aktif di dalam permainan gasing pangkah tradisional. Walaupun terpaksa bersaing dengan peredaran zaman untuk mengekalkan kewujudan gasing tradisional, penduduk Kampung Bukit Kapar tetap teguh dengan menubuhkan Persatuan Gasing Pangkah Tradisional yang telah aktif sejak sekitar tahun 1970 lagi, serta menjayakan beberapa pertandingan setiap tahun dan menyertai beberapa kejohanan di peringkat kebangsaan dan Negeri (Mustakin, 2019).

Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Selangor, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor aktif dalam menggalakkan penglibatan orang kampung serta orang luar khususnya golongan anak-anak muda untuk

sama-sama menyertai pertandingan yang dipertandingkan oleh Persatuan tersebut. Antara pertandingan yang dipertandingkan tahunan Kejohanan Liga Gasing Pangkah Tradisional, pertandingan Gasing Pangkah Terbuka Selangor yang sering kali mendapat perhatian Persatuan Gasing Pangkah seluruh Malaysia seperti Pahang, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan yang turut sama menyertai setiap kali pertandingan ini dipertandingkan (Mustakin, 2019).

Persatuan Gasing Pangkah Selangor juga membantu daerah itu muncul sebagai kampung tradisi terbaik 2015 di Negeri Selangor, penglibatan pembangunan Gasing Pangkah menjadi kayu ukur didalam penglibatan komuniti secara amnya yang melayakkan kampung Bukit Kapar muncul juara dan menyumbang kepada pencapaian kampung Bukit Kapar (SelangorTV, 2015)



Gambar 5: Permainan gasing pangkah tradisional mempunyai daya tarikannya yang tersendiri serta peminat akan senantiasa memenuhi seluruh ruang legar gelanggang untuk melihat kelincahan pasukan-pasukan yang menyertai dalam setiap perlawanan.

Cabarannya sepanjang menjadi Pemain dan Pengerusi Persatuan Gasing Pangkah Selangor

Menurut Tuan Haji Mustakin Abdullah (2019), menjadi seorang pemain yang telah hampir 40 tahun dalam arena ini. Menjadi pemain tidak terlalu berat, baginya yang beratnya ialah pengadil yang mengadili permainan tersebut. Oleh kerana kaedah pemain ada yang menggunakan tangan kiri atau tangan kanan untuk memukul gasing pihak lawan dan mempunyai dua pengadil membuatkan

situasi itu menjadi lebih sukar oleh kerana pengadil mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza untuk menetapkan sesuatu keputusan.

Menurutnya lagi, menjadi pengurus setelah hampir dua puluh (20) tahun mempunyai cabaran yang kuat dan tersendiri. Antaranya ialah apabila memberi ucapan bersama Pengurus Gasing Pangkah yang lain yang mempunyai gelaran Yang Berhormat (YB). Kebiasannya, ucapan YB mengambil masa sekurang-kurangnya satu(1) jam, beliau cuma mampu berucap paling lama pun hanya lima (5) minit ke sepuluh (10) minit sudah memadai bagi beliau. Tambahnya lagi, gelanggang Gasing Pangkah di Bukit Kapar itu adalah salah satu cabaran untuk beliau di mana beliau berusaha untuk mendapatkan zink besi untuk dijadikan sebagai bumbung gelanggang tersebut daripada kilang-kilang di sekitar kampung Bukit Kapar melalui salah seorang pemain gasing yang bekerja di kilang tersebut. Tiang yang terdapat di gelanggang tersebut adalah pemberian dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) untuk membangunkan struktur gelanggang tersebut dan dinding gelanggang diusahakan oleh ahli Persatuan Gasing Pangkah Selangor sendiri.

Selain itu, cabaran yang melibatkan masalah dalaman Persatuan Gasing Pangkah Selangor juga turut dikongsikan oleh beliau, di mana terdapat ahli-ahli di dalam persatuan tersebut berpendapat bahawa beliau perlu meletakkan jawatan oleh kerana usia beliau yang sudah menjangkau usia 70 tahun. Akan tetapi, segala cacian dan unsur-unsur negatif kepada beliau sedikit pun tidak mematahkan semangat beliau di dalam membangunkan Persatuan ini bagi mengekalkan tradisi permainan ini kekal relevan di Bukit Kapar. Dalam pada itu, beliau juga mempunyai hubungan yang begitu baik dengan ketua kampung Bukit Kapar yang banyak memberi dorongan dan semangat dalam usaha beliau menyumbang bakti sekaligus mempunyai hubungan dua hala dalam memperkasakan lagi kesinambungan gasing pangkah di kampung-kampung Bukit Kapar.

Kesimpulan

Artikel projek pendokumentasi sejarah lisan ini memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan proses penyelidikan dari sudut yang berbeza terhadap Permainan Gasing Tradisional yang lazimnya turun temurun ada di Malaysia, terutamanya dalam Permainan Gasing Pangkah. Maklumat mengenai asal-

usul, keistimewaan dan pembuatan Permainan Gasing Pangkah dapat dikenal pasti dengan bantuan Pengerusi Persatuan Gasing Pangkah Selangor iaitu Tuan Haji Muhamat Mustakin Bin Abdullah. Secara keseluruhannya, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengumpul maklumat sejarah tentang Permainan Gasing Pangkah Tradisional di samping memanjangkan usia tradisi ini untuk generasi akan datang. Kajian ini juga dijalankan untuk meningkatkan pemahaman orang luar mengenai keunikan dan kesenian Permainan Gasing Pangkah Tradisional. Diharap dengan menjalankan kajian ini dapat membantu negara dalam memahami konsep kesenian permainan Gasing Pangkah Tradisional yang terdapat di Malaysia.

Rujukan

- Aanuarzulkifli. (2016, August 13). *Kegemilangan gasing zaman moden*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/mega/rekreasi/kegemilangan-gasing-zaman-moden- 1.369970>
- Aniza Zainudin. (2019, February 12). 21 tahun tak jemu main gasing. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/02/422270/21-tahun-tak-jemu-main-gasing>.
- Hafizan Taib. (2016, August 15). Gasing pangkah bakal dijadikan identiti Selangor. Retrieved from <https://selangorkini.my/2016/08/gasing-pangkah-bakal-dijadikan-identiti-selangor/>.
- Hafizudin Mohd Safar. (2016, December 16). Pelapis gasing pangkah. Retrieved from <http://www.jkkn.gov.my/en/pamer-skil-pangkah-gasing>
- Jenny, V. B., & Jenny, V. B. (2007). Permainan Tradisional. Retrieved 2007, from https://www.academia.edu/17587470/PERMAINAN_TRADISIONAL?auto=download
- Kumar, S. A. (2015, October 20). Gasing pangkah Johor tak goyah. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/90241>
- Marniza Othman. (2016, August 15). Pertandingan gasing pangkah pelihara warisan tradisi. Retrieved from <https://selangortv.my/pertandingan-gasing-pangkah-pelihara-warisan-tradisi/ pelancongan-seni-warisan-dan-budaya/>
- Mashut, M. E. (2018, December 29). Pertandingan Gasing Pangkah tarik penyertaan negeri lain. Retrieved from <https://selangorkini.my/2018/12/pertandingan-gasing-pangkah- tarik-penyertaan-negeri-lain>.

Muhamat Mustakin Abdullah. (2019, April 15). Tokoh gasing pangkah Selangor [interview]

Norashikin Leman. (2016, September 22). Permainan gasing perlu disemarakkan.

Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/194931>

Norhayati, Yahaya. (2019, January 14). Memartabat permainan warisan. Retrieved from

<http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/memartabat-permainan-warisan-1.821734>

Norhayati Umor. (2018, December 29). Kampung Bukit Kapar hub pelancongan seni warisan dan budaya. Retrieved from <https://selangorkini.my/2018/12/kampung-bukit-kapar-hub-pelancongan-seni-warisan-dan-budaya/>